

# Bayaran elaun rendah latihan industri diteliti

Menteri gesa kerajaan beri perhatian selesai segera isu

Oleh Ahmad Hasbi  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Kementerian Sumber Manusia akan meneliti isu bayaran atau elaun kepada pelajar IPT yang menjalani latihan industri yang didakwa terlalu rendah, malah ada syarikat tidak memberikan elaun langsung.

Mentriya, V Sivakumar berkata, beliau tidak bersetuju dengan keadaan berkenaan dan akan memberi perhatian serius.

"Bagi saya, perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan. Perkara ini juga sudah dibangkitkan pada International Labour Conference (ILC) supaya memberi pertimbangan sewajarnya di seluruh dunia.

"Pelatih industri tidak boleh dianggap buruh percuma. Kita akan meneliti perkara ini dan saya akan beri maklum balas dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu bayaran pelajar



Seorang pelajar universiti menyuarakan rasa tidak puas hati dengan memakai plkad bertulis, 'Intern bukan buruh percuma'.

(Foto Twitter @youngaljinnied)

praktikal susulan laporan mengenai seorang penuntut universiti awam yang menyuarakan kebimbangan untuk bertarahan sepanjang menjalani latihan industri Oktober ini.

## Ada syarikat tak beri elann

Menurut laporan, seorang penuntut wanita itu menyifatkan mereka bukan buruh percuma, serta

menyuarakan pandangannya selepas melihat permohonan latihan industri menawarkan elaun dengan jumlah yang kecil, malah ada yang tidak memberi elaun langsung.

Isu berkenaan tular di laman sosial dengan seorang wanita memuat naik gambarnya sambil memegang plkad bertulis 'Intern bukan buruh percuma' dan

Pelatih industri tidak boleh dianggap buruh percuma. Kifra akan meneliti perkara ini dan saya akan beri maklum balas dalam masa terdekat

V Sivakumar,  
Menteri Sumber Manusia



dikatakan menyuarakan bantahannya dengan membawa sepanduk itu di sekitar kampus.

Bantahan pelajar jurusan pengajian antarabangsa dan strategik itu mendapat sokongan ramai pelajar lain, termasuk pensyarahnya sendiri.

Ramai pelajar yang menjalani latihan industri dikatakan berdepan cabaran kewangan kerana perlu menanggung kos pengangkutan, makanan dan tempat tinggal.

TARIKH: 19/6/23  
SURAT KHBAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: